



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKLUMAN MENGENAI MODUL PEMBAYARAN DENDA DALAM TALIAN
(e-Denda)**

Dalam misi Badan Kehakiman Malaysia untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang cekap selaras dengan transformasi digital bagi pengurusan kes di Mahkamah, satu Modul Pembayaran Denda Dalam Talian (e-Denda) akan dilaksanakan bermula 1 Disember 2021. Modul ini akan dilaksanakan secara rintis bermula di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Kompleks Mahkamah Shah Alam dan Mahkamah Selayang, Selangor.

Modul e-Denda adalah proses penyelesaian pembayaran denda secara dalam talian menggunakan Financial Process Exchange (FPX) melalui portal Sistem e-Kehakiman di <https://ecourt.kehakiman.gov.my> yang merupakan alternatif kepada saluran pembayaran sedia ada melalui kad debit di terminal Point-Of-Sale (ePos), Cash Deposit Machine (CDM) atau tunai di kaunter pembayaran Mahkamah.

Melalui pelaksanaan sistem ini tiada lagi keperluan bagi orang awam untuk pergi ke kaunter pembayaran Mahkamah, sekaligus dapat mempercepatkan proses pembayaran denda dan pembebasan tertuduh.

Badan Kehakiman Malaysia berharap inisiatif yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan kualiti akses kepada keadilan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi secara optimum dan sekaligus dapat meminimumkan pergerakan bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19.

Bersama-sama ini dilampirkan juga Carta Alir Tatacara Pembayaran Denda Secara Dalam Talian (e-Denda) untuk rujukan dan hebahan. Agensi kerajaan, peguam atau orang awam yang mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh menghubungi e-mel dan talian seperti di bawah:

E-mel: ecourts.helpdesk@omesti.com

No. telefon: 03-27331313

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 25 November 2021